

## Undang-undang Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia

ZAINI NASOHAH

### ABSTRAK

*Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam negeri-negeri memperuntukkan bahawa, suatu kenyataan yang dibuat oleh Mufti tidak boleh dikatakan sebagai fatwa melainkan ia telah dikeluarkan melalui prosedur yang telah ditetapkan di dalam Enakmen dan seterusnya disiarkan di dalam Warta. Oleh kerana bidangkuasa pentadbiran undang-undang Islam terletak di bawah negeri-negeri, maka penguatkuasaan fatwa adalah di bawah bidangkuasa negeri. Di samping itu, tidak ada mana-mana negeri boleh dipaksa untuk menerima fatwa yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Artikel ini membincangkan beberapa masalah berhubung fatwa di Malaysia terutama tentang penguatkuasaannya.*

### ABSTRACT

*The states Administration of Islamic Law Act, Enactment and Ordinance provide that, no statement made by the Mufti shall be taken as a Fatwa unless and until it is ruling according to the enacted procedures and then published in the Gazette. Since the jurisdiction of the administration of Islamic Law has been given to the states, the enforcement of the fatwa is under the state jurisdiction. Beside that, no state can be forced to recognize the Fatwa made by the National Fatwa Council. This article elaborates some problems relating to the Fatwa in Malaysia especially with regard to its enforcement.*

### PENDAHULUAN

Apakah sebenarnya yang dikatakan fatwa menurut undang-undang yang ada sekarang serta bagaimana ia boleh berkuatkuasa? Selain dua isu di atas, hakikatnya ramai yang mungkin masih keliru tentang beberapa perkara seperti, apakah fungsi sebenar Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia serta hubungannya dengan Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri, di mana kedudukan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan apakah pula peranan Majlis Raja-Raja dalam hal fatwa?

## PENGERTIAN FATWA

Menurut Ibn Manzur, *fatwa* adalah perkataan yang bermaksud suatu perbuatan yang dilakukan oleh mufti mengenai sesuatu hukum atau suatu keputusan hukum yang dikeluarkan oleh *faqih* (Ibn Manzur 1956, 15: 147-148).

Menurut al-Qasimi, fatwa bermaksud menjawab masalah yang menjadi kemusykilan di dalam hukum. Apabila seseorang menjawab sesuatu masalah yang diajukan kepadanya, jawapan yang diberikan itu merupakan fatwa (al-Qasimi 1986: 46-48). Fatwa juga bererti penjelasan berhubung dengan persoalan hukum syarak yang dibuat oleh seorang yang faqih bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan kepadanya (Muhammad Rawwas 1985: 339).

Apapun pengertian yang telah diberikan, menurut undang-undang yang ada di Malaysia sekarang, pengeluaran fatwa perlu mengikuti prosedur tertentu. Suatu fatwa yang hendak dikuatkuasakan hendaklah diwartakan. Jika tidak di *Warta* maka ia dianggap kekal sebagai pendapat mufti sahaja dan untuk pengetahuan atau rujukan hukum semata-mata.

## BIDANG KUASA MENGELUARKAN FATWA DI MALAYSIA

Sebelum pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam di negeri-negeri yang kebanyakannya dibuat sekitar akhir 80-an dan awal 90-an, Fatwa adalah di bawah bidangkuasa Majlis Agama Islam negeri-negeri dan dikeluarkan oleh Majlis. Majlis mempunyai kuasa untuk membuat dan menyiarkan fatwa sama ada dengan kuasanya sendiri ataupun melalui Jawatankuasa Fatwa yang dilantik oleh Majlis. Sebagai contoh, seksyen 38 (1)-(3), Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 memperuntukkan:

38. (1) Sesiapa pun boleh, dengan bersurat kepada Yang Di Pertua, meminta Majlis mengeluarkan fatwa di atas apa-apa perkara berkenaan Ugama Islam atau nas.

(2) Yang Di Pertua hendaklah merujuk permintaan itu kepada Pengerusi Jawatankuasa Syariah dan Pengerusi hendaklah menimbangkan tiap-tiap permintaan seperti itu dan hendaklah menyediakan rangka fatwa itu melainkan pada fikirannya perkara yang dirujukkan itu adalah perkara kecil atau oleh lain-lain sebab yang munasabah, tidak perlu dijawab. Ia hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Syariah untuk menimbangkan dan memberi keputusan ke atas rangka fatwa yang dibuatnya itu. Jika sesuatu keputusan itu disokong oleh nas, maka Mufti hendaklah dengan serta merta mengeluarkan fatwanya. Jika dalam perkara itu, Jawatankuasa Syariah tidak sebulat suara, soal itu hendaklah dirujukkan kepada Majlis dan Majlis hendaklah dengan cara yang sama, membuat dan mengedarkan keputusannya yang mana dibuat mengikut pendapat lebih suara ahli-ahlinya yang hadir; Dengan syarat atas sebab-sebab yang khas apa-apa soal seperti itu bolehlah disembahkan oleh Majlis kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk mendapatkan penentuan Baginda.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa dengan kehendaknya sendiri mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Syariah.

Menurut peruntukan itu, sesiapa yang mempunyai masalah berhubung Agama Islam atau nas boleh menulis surat kepada Yang Dipertua Majlis Agama Islam untuk meminta fatwa. Apabila persoalan secara bertulis diterima, Yang Dipertua akan merujuk permintaan fatwa tersebut kepada Pengerusi Jawatankuasa Syariah negeri. Setiap permintaan fatwa perlu dipertimbangkan dan perlu disediakan rangka jawapannya melainkan beliau berpendapat bahawa masalah itu adalah perkara kecil atau ada alasan-alasan lain yang munasabah membolehkan persoalan itu tidak dijawab.

Langkah seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Syariah hendaklah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa bagi menimbangkan serta membuat keputusan terhadap rangka fatwa yang telah disediakan. Sekiranya Jawatankuasa Syariah tidak mencapai keputusan sebulat suara, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Majlis Agama dan Majlis Agama akan membuat keputusannya mengikut pendapat lebih suara ahli-ahli yang hadir.

Majlis Agama Islam pada bila-bila masa dan atas kehendaknya sendiri mempunyai bidangkuasa mengisytiharkan apa-apa fatwa atau keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Syariah.

Walau bagaimanapun, dengan pindaan serta pengenalan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (EPUI) yang baru, bermula di Selangor pada tahun 1989, undang-undang memperuntukkan pemisahan pentadbiran Majlis, Mufti dan Mahkamah Syariah. Mulai saat itu jugalah, urusan berkenaan fatwa diletakkan secara khusus di bawah Jabatan Mufti dan bukan lagi di bawah bidangkuasa Majlis (Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (EPPI) Selangor 1989, seksyen 28,30). Di Wilayah Persekutuan pula umpamanya, seksyen 34 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (APUUI) 1993 memperuntukkan:

34. (1) Mufti hendaklah, atas perintah Yang di Pertuan Agong, dan bolehlah atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang ditujukan kepada Mufti, membuat dan menyiarkan dalam *Warta* suatu fatwa atau pendapat atas apa-apa persoalan yang belum diselesaikan atau yang menimbulkan pertikaian mengenai atau berhubungan dengan Hukum Syarak.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat oleh Mufti boleh diambil sebagai fatwa melainkan jika dan sehingga pernyataan itu disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen (1).

Peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa dari sudut tatacaranya, persoalan mengenai Hukum Syarak atau fatwa hendaklah diajukan terus kepada mufti bukannya melalui Majlis Agama terlebih dahulu, sebagaimana sebelum pindaan dibuat. Fatwa boleh dikeluarkan sama ada atas daya usaha mufti sendiri atau atas perintah Yang di Pertuan Agong ataupun atas permintaan dari mana-mana orang. Namun demikian, terdapat sedikit perbezaan dalam peruntukan di negeri-negeri. Di Terengganu misalnya, fatwa boleh dikeluarkan apabila ada

permintaan melalui surat kepada Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama (Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (EPHEAI) Terengganu 1986, seksyen 25).

Di Sabah, fatwa boleh dikeluarkan atas perintah Yang diPertua Negeri atau atas permintaan mana-mana orang yang dibuat melalui surat yang dituju kepada mufti (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (EPUUI) Sabah 1992, seksyen 35). Manakala di Perak, mufti boleh atas daya usahanya sendiri atau atas permintaan bertulis mana-mana orang, membuat fatwa atau memberi pendapat atas sesuatu soalan yang menimbulkan pertikaian mengenai atau yang berkaitan Hukum Syarak (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (EPAI) 1992, seksyen 34). Pahang dan Selangor mempunyai peruntukan yang menyerupai peruntukan di Wilayah Persekutuan (Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (EPUUI) Pahang 1991, seksyen 36; EPPI Selangor, seksyen 31).

Dalam pengeluaran sesuatu fatwa, mufti sebenarnya tidak bertindak berseorangan. Mufti akan menjalankan tugasnya bersama dengan Jawatankuasa Fatwa. Nama jawatankuasa ini berbeza-beza di negeri-negeri. Di Selangor, Pahang dan Wilayah Persekutuan ia dipanggil Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (EPPI Selangor, seksyen 34; EPUI Pahang, seksyen 39; APUUI W.Persekutuan, seksyen 31). Bagi negeri Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang dipanggil Jawatankuasa Syariah (EPAI Perak, seksyen 37; EPHS Melaka, seksyen 33; EPHS N. Sembilan, seksyen 33; EPHAI P.Pinang, seksyen 39). Di negeri Johor, Kedah dan Terengganu ia dipanggil Jawatankuasa Fatwa (EPAI Johor, seksyen 15; EPUI Kedah, seksyen 36; EPHEAI Terengganu, seksyen 53). Di Sabah pula dikenali sebagai Majlis Fatwa dan di Kelantan sebagai Jemaah Ulama' (EPUUI Sabah, seksyen 38; EMAI&AIM Kelantan, seksyen 33). Sementara di negeri Sarawak dikenali dengan nama Lembaga Fatwa (OMI Sarawak, Chapter 105, seksyen 36).

Apabila mufti bercadang hendak membuat fatwa, dia hendaklah memanggil suatu mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud membincangkan perkara yang hendak diberi fatwa itu. Selain itu, sebelum mufti membuat fatwa, ia boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dibuat dan kertas kerja disediakan (EPPI Selangor, seksyen 34(4) dan (5)).

## PENGUATKUASAAN FATWA

Menurut peruntukan di dalam Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam yang ada sekarang, suatu keputusan yang dibuat tidak dikatakan sebagai fatwa sekiranya ia dikeluarkan tidak mengikut prosedur atau acara yang ditetapkan, dikeluarkan oleh orang atau jawatankuasa yang diberi kuasa dan disiarkan di dalam *Warta*. Setelah fatwa itu di siarkan di dalam *Warta*, barulah ia boleh dikuatkuasakan. Selain itu, oleh kerana Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa perkara Agama terletak di bawah bidang kuasa negeri, maka sesuatu fatwa yang dikeluarkan oleh negeri tertentu hanya mengikat orang

yang tinggal di negeri di mana fatwa tersebut dikeluarkan. Seksyen 34 (3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan misalnya menyebut:

Apabila disiarkan dalam *Warta*, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan, kepercayaan, atau pendapat peribadi.

Fatwa hendaklah diiktiraf oleh Mahkamah Syariah di negeri di mana fatwa itu diwartakan. Penguatkuasaan fatwa yang di bawah kuasa negeri sebenarnya menyumbang kepada kesukaran untuk membuat penyeragaman fatwa bagi seluruh Malaysia. Sehingga kini, hanya terdapat beberapa kes di mana semua negeri membuat serta mewartakan fatwa yang serupa. Misalnya dalam pengharaman buku *Aurad Muhammadiyah* dan kumpulan *al-Arqaam* ([1986] 1JH 32). Dalam kes tersebut, semua negeri bersetuju menerima dan mewartakan fatwa hasil daripada keputusan Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan setelah diperakui oleh Majlis Raja-Raja.

## FATWA DAN MAHKAMAH

Mufti tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai Hukum Syarak di dalam mana-mana Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Tetapi jika mahkamah yang bukan Mahkamah Syariah memerlukan sesuatu pandangan mengenai Hukum Syarak, Mahkamah itu boleh meminta mufti memberi atau memperakukan pendapat mengenai persoalan yang timbul (APUUI Wilayah Persekutuan, seksyen 38; EPPI Selangor, seksyen 35; EPUUI Pahang, seksyen 40; EPUUI Pulau Pinang, seksyen 40).

Meskipun jarang berlaku, namun terdapat beberapa kes yang mana Mahkamah Sivil telah meminta pendapat Mufti atau Jawatankuasa Fatwa. Antaranya ialah di dalam kes *Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Bukit Mertajam* ([1992] 1MLJ 1), kes *Isa Abdul Rahman & Ors lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* ([1995] 10JH 222) dan kes *Hajah Halimatussaadiyah lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Seorang Lagi* ([1994] 6 KANUN (3) 36). Persoalan di dalam kes *Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Bukit Mertajam* ialah untuk menentukan sama ada seseorang itu terkeluar daripada Islam atau tidak. Mahkamah Tinggi Sivil telah merujuk kepada Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang.

Dalam kes *Isa Abdul Rahman & Ors lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* ([1995] 10JH 222) pula, mufti Pulau Pinang telah diminta oleh Mahkamah Sivil yang membicarakan, untuk memberikan pandangan terhadap keputusan Majlis Agama Islam Pulau Pinang merobohkan sebuah masjid lama yang terletak di atas sebuah tanah wakaf. Dalam kes ini pihak Majlis bercadang untuk membina

sebuah bangunan lima tingkat di atas tapak tersebut. Tingkat 1 hingga 3 akan digunakan sebagai pejabat Bank Islam dan baki dua tingkat lagi untuk masjid.

Plaintif-plaintif dalam kes ini tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana menurut mereka, ia bertentangan dengan kepentingan awam. Plaintif telah memohon perintah termasuk satu injuksi bagi mencegah Majlis Agama Islam Pulau Pinang daripada merobohkan masjid sedia ada. Majlis Agama Islam menafikan bahawa cadangan tersebut bertentangan dengan tujuan sebenar wakaf itu.

Di dalam kes ini, sebenarnya terdapat dua fatwa Jawatankuasa Syariah yang bertentangan. Fatwa pertama telah dikeluarkan pada tahun 1973 yang menyatakan:

Jawatankuasa Syariah berpendapat bahawa pertanyaan yang dibuat oleh Penguasa Masjid Simpang Enam supaya diadakan bangunan dua lapis iaitu lapisan bawah untuk perniagaan dan lapisan atas dijadikan tempat sembahyang (masjid) adalah berlawanan dengan hukum syarak dan dengan itu, cadangan itu tidak boleh dilaksanakan kerana pembinaan di bahagian bawah itu adalah disifatkan sebagai masjid juga.

Fatwa kedua pula telah dikeluarkan pada tahun 1989 dan menyatakan:

Jawatankuasa Syariah setelah menimbangkan permohonan Majlis Agama Islam, telah mengeluarkan fatwa seperti berikut:

- a) Harus (dibolehkan) pada segi hukum syarak mendirikan bangunan baru yang mengandungi pejabat Bank Islam di tingkat satu, dua dan tiga, serta masjid ditingkat empat dan lima di atas tapak Masjid Simpang Enam yang ada sekarang.
- b) Ini tidak bercanggah dengan hukum syarak kerana tujuan wakaf tidak tergendala dan amal jariah wakif (yang berwakaf) akan berterusan dan masjid diganti dengan baru yang lebih luas kawasannya daripada Masjid Simpang Enam yang ada dan lebih selesa untuk digunakan.

Hakim yang membicarakan kes ini di Mahkamah Sivil telah menyentuh kedua-dua fatwa yang dikeluarkan tetapi tidak menyebut faktor yang diambil kira. Mufti Pulau Pinang telah memberi keterangannya di hadapan Mahkamah Sivil dan memberi pandangan yang terbuka terhadap kedua-dua fatwa itu. Menurut beliau kedua-dua fatwa itu merupakan ijthid dan boleh diterima pakai. Namun beliau juga berpendapat bahawa cadangan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang itu adalah harus. Seorang ahli Jawatankuasa Syariah negeri Perak yang turut dipanggil oleh Mahkamah pula menyatakan bahawa fatwa yang pertama adalah yang betul. ([1995] 10JH 222); ([1997] 5 Jurnal Syariah (1), 125)

Yang Arif Hakim dalam keputusannya menyatakan, “Memandangkan kepada surat ikatan mengenai amanah itu yang mengatakan tanah tersebut hendaklah digunakan sebagai tempat orang-orang Islam bersembahyang bersama dan tidak untuk tujuan-tujuan lain, maka jelaslah bahawa cadangan Majlis itu untuk mendirikan pejabat Bank Islam adalah bercanggah dengan

tujuan amanah yang terkandung dalam surat ikatan itu”. Walau bagaimanapun, hakim yang arif mencadangkan agar persoalan sama ada dibolehkan atau tidak menurut hukum syarak untuk menukar tujuan amanah yang asal, ditimbang semula oleh Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang atau dibuat rujukan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan. ([1995] 10JH 222)

#### MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA DAN JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKBHEAI) yang ditubuhkan semasa Persidangan Majlis Raja-Raja ke 18 pada 1 Julai 1969 bertujuan untuk mewujudkan penyelarasan yang berkesan dan seragam antara negeri-negeri dalam pentadbiran hal ehwal orang Islam di negara ini. Semua negeri telah menganggotainya kecuali Kedah dan Pahang. MKBHEAI ini juga ditubuhkan bagi membincang, menimbang serta mengurus apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya sama ada oleh Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli MKBHEAI. Dalam hal-hal tersebut MKBHEAI boleh memberi nasihat dan pengesyoran. (Othman 1981: 58)

Secara lebih terperinci, tugas dan bidangkuasa Majlis ini diperuntukkan melalui seksyen 7, Peraturan MKBHEAI yang menyebut:

- a) Membincangkan, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atau seorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran.
- b) Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Agama Islam dan pelajaran Agama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalakkan persamaan undang-undang atau pentadbiran (Peraturan MKBHEAIM, peraturan 9).

Sementara itu, penubuhan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan termaktub di dalam seksyen 11 (a). Berhubung dengan tugas atau peranannya seksyen 14 Peraturan Majlis menyebut:

Tugas Jawatankuasa Fatwa ini ialah menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa ini hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarkannya bersama dengan pengesyoran-pengesyoran kepada Majlis Raja-Raja.

Permohonan untuk mendapatkan fatwa hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia. Apabila sesuatu masalah dirujuk kepada Majlis tersebut, ia akan ditimbang, dibincang dan dibuat pengesyoran atau nasihat. Kemudian, ia akan

dirujuk kepada Majlis Raja-Raja untuk pertimbangan. Setelah dipertimbangkan, biasanya Majlis Raja-Raja akan meminta Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengkaji, memutuskan seterusnya mengeluarkan fatwa berhubung dengan masalah yang diajukan (Siti Zalikah 2001:17).

Keputusan yang dibuat kemudiannya hendaklah dikemukakan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Majlis Kebangsaan pula akan menimbang dan membincangkan serta membuat pengesyoran terhadap keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa. Selepas itu, keputusan tersebut (yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa) akan dirujuk sekali lagi kepada Majlis Raja-Raja (Siti Zalikah 2001:18).

Suatu keputusan berkenaan fatwa yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja tidak boleh dipinda sewenang-wenangnya oleh negeri yang menjadi ahli tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja (Peraturan MKBHEAIM, peraturan 9). Di sinilah fungsi penyelarasan dan penyeragaman yang cuba dilaksanakan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam. Walau bagaimanapun, untuk menjadikannya berkuatkuasa di negeri-negeri, fatwa tersebut masih perlu dibawa kepada Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan seterusnya disiarkan ke dalam *Warta* mengikut negeri-negeri masing-masing.

Dari segi amalan, dalam keadaan-keadaan di mana fatwa-fatwa berhubung masalah hukum syarak telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Majlis seterusnya diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja, ianya hendaklah disampaikan oleh Setiausaha MKBHEAI kepada Setiausaha Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri untuk diwartakan. (Bahagian Keurusetiaan JAKIM)

Fasal 5 Perkara (7) Manual Prosedur Penetapan Fatwa Majlis Kebangsaan menegaskan:

Fatwa-fatwa yang telah dirafak dan diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja hendaklah disampaikan oleh Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kepada Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri untuk diwartakan.

Jelasnya, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ditubuhkan tersebut sebenarnya bertindak sebagai badan penyelaras terhadap Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri khususnya dalam membincangkan isu-isu besar dan bersifat segera, melibatkan persoalan negara ataupun akidah umat Islam. Antara isu yang pernah diputuskan ialah sama ada halal atau haram Amanah Saham Nasional, pegangan al-Arqam, golongan anti Hadith dan lain-lain lagi.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan analisa terhadap fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, terdapat kecenderungan negeri-negeri meminda teks fatwa tersebut apabila ianya dibawa balik ke negeri dan kemudiannya diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri berkenaan. Walaupun keputusan fatwa yang dibuat di peringkat Kebangsaan itu merupakan keputusan majoriti ataupun keputusan bersama para mufti yang menjadi anggota, namun perubahan masih berlaku apabila ia dibincang semula di peringkat negeri.

Sementara itu, tidak semua keputusan Jawatankuasa Fatwa boleh disiarkan kepada umum. Bahkan ada di antaranya yang dikategorikan sebagai bahan rahsia atau sulit. Ia hanya untuk makluman pihak yang meminta fatwa atau pihak-pihak tertentu yang berkenaan sahaja.

Apa yang mungkin tidak diketahui umum ialah, amat jarang Jawatankuasa Fatwa ini bersidang khas dengan terikat penuh kepada manual atau prosedur Jawatankuasa Fatwa iaitu sehingga kepada peringkat perakuan Majlis Raja-Raja. Sebaliknya, apa yang sering dibuat adalah muzakarah biasa Jawatankuasa Fatwa. Oleh kerana itu, keputusan yang dicapai di dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa tersebut juga biasanya dinamakan sebagai 'keputusan muzakarah' atau 'fatwa muzakarah'.

Menurut Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa JAKIM, Jawatankuasa Fatwa MKBHEAI dengan permintaan Majlis Raja-Raja, persidangan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya empat kali setahun di samping muzakarah atas inisiatif mufti-mufti yang menjadi ahli Jawatankuasa Fatwa tersebut. Ini bermakna, 'Persidangan' Jawatankuasa Fatwa MKBHEAI adalah atas permintaan Majlis Raja-Raja, manakala satu lagi bentuk persidangan yang lebih dikenali dengan 'Muzakarah' adalah atas inisiatif mufti-mufti sendiri yang menganggotai jawatankuasa tersebut yang lazimnya berlangsung jika timbul sesuatu isu atau atas permintaan orang ramai (Bahagian Keurusetiaan JAKIM).

Keputusan 'muzakarah' tidak mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota untuk menerimanya. Dengan lain perkataan, keputusan itu tidak semestinya diterima atau berkuatkuasa bagi seluruh Malaysia (Abdul Monir Yaacob 1998: 139). Demikian juga dengan keputusan 'Persidangan'. Semuanya bergantung kepada tindakan pihak negeri-negeri sama ada menerima fatwa itu dan mewartakannya atau sebaliknya.

Dari sudut pentadbiran undang-undang, sesuatu keputusan yang dikeluarkan di peringkat kebangsaan oleh para mufti yang menjadi ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bukanlah merupakan satu fatwa. Ia lebih kepada keputusan majlis diskusi bagi menentukan sesuatu hukum kepada masalah tertentu yang melibatkan kepentingan seluruh Persekutuan. Namun dari sudut pandangan syarak, keputusan tersebut adalah fatwa. Cuma dari sudut undang-undang ia belum boleh dikuatkuasakan selagi tidak diwartakan oleh pihak berkuasa negeri.

Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali Ke 51 yang diadakan pada 11 Mac 2002 di Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa pengklonan manusia untuk apa tujuan sekalipun adalah haram kerana bercanggah dengan fitrah kejadian manusia iaitu mengikut ketentuan Allah. (Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 11 Mac 2002).

Dalam masalah perceraian menerusi Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pula, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia Kali Ke 59 yang diadakan pada 27 Ogos 2003 memutuskan bahawa:

- a) Talak dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimili, SMS, e-mail dan sebagainya merupakan talak secara kinayah dan ianya adalah sah sekiranya disertai dengan niat.
- b) Semua penceraian hendaklah dikemukakan kepada mahkamah syariah untuk mensabitkan talak tersebut.
- c) Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah penceraian yang tidak menepati adab penceraian yang digariskan oleh syarak. (Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 27 Ogos 2003)

Untuk menjadikan keputusan-keputusan seperti di atas menjadi fatwa yang berkuatkuasa di sesuatu negeri, keputusan itu perlu di bawa ke negeri-negeri berkenaan dan diwartakan melalui Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri mengikut prosedur yang telah ditetapkan di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam masing-masing. Negeri-negeri mempunyai hak sama ada menerima atau menolak dan sama ada untuk mewartakan ataupun sebaliknya. Jika dilihat dari segi rekod, sebenarnya banyak keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang tidak diwartakan sebagai fatwa di negeri-negeri.

Sebagai contoh, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke 37 telah memutuskan bahawa tabiat merokok adalah haram menurut pandangan Islam (Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, 23 Mac 1995). Namun hanya sebilangan kecil negeri yang telah mewartakannya sebagai fatwa. Setakat ini, hanya negeri Selangor sahaja yang menerima seterusnya mewartakannya sebagai fatwa. Bagi negeri Kedah pula, meskipun telah menerima fatwa yang serupa, namun tidak mewartakannya (Minit Jawatankuasa Fatwa MAIK 1995). Demikian juga dengan negeri Perlis dan Sarawak. (Keputusan Fatwa Negeri Perlis 1995; Keputusan Fatwa Negeri Sarawak 1995). Di Negeri Pahang pula, Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak hanya mengharamkan merokok di kawasan masjid dan surau dengan alasan bahawa ia bertentangan dengan adab Islam. Pihak Jawatankuasa telah meminta Jabatan Agama Islam Pahang menerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Masjid untuk membuat papan tanda bagi menjadikan masjid dan surau sebagai kawasan merokok. Minit Mesyuarat JPHS Pahang, 5 Oktober 1996.

Sementara itu berhubung dakwaan masalah perpecahan orang Melayu pula, Persidangan Majlis Raja-Raja ke 188 pada 22 Mac 2001 telah memperakui keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam yang menyatakan:

- a) Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan, tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ihsan. Walau bagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam

- dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada;
- b) Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keIslaman seseorang. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keIslamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara juapun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng; dan
  - c) Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara juapun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

Walau bagaimanapun, sekali lagi persoalan muncul iaitu, apakah semua negeri telah menerima dan seterusnya mewartakannya menjadi fatwa yang boleh dikuatkuasakan? Bagi negeri-negeri yang mewartakannya pula, apakah ia diwartakan tanpa sebarang pindaan daripada teks fatwa asal? Sehingga artikel ini disiapkan hanya enam buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan telah mewartakannya sebagai fatwa. Wilayah Persekutuan telah mewartakannya pada 15 Mac 2002, Pulau Pinang (9 Mei 2002), Melaka (13 September 2001), Perak (2 Ogos 2001), Negeri Sembilan (13 Oktober 2001) dan Johor (6 Februari 2002). (Melaka-Warta No. 19.2001; Perak- Warta No. 508/2001; Johor-Warta No. 7/2002) Sementara di negeri Selangor, Kelantan dan Perlis, fatwa telah diterima tetapi belum diwartakan. Bagi negeri Kedah, Terengganu, Pahang dan Sabah pula tidak diketahui kedudukannya. (<http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa>)

Analisa yang dibuat terhadap teks Keputusan Jawatankuasa Fatwa bagi beberapa buah negeri yang telah membuat keputusan dan fatwa tentang isu berkaitan menunjukkan bahawa hanya negeri Melaka telah menerima dan meluluskan fatwa tersebut tanpa sebarang pindaan kepada teks asal sebagaimana yang diputuskan di peringkat Kebangsaan. Bagi negeri-negeri lain, terdapat sedikit pindaan yang dilakukan dari segi susunan bahasa dan ayat. Namun perbezaan paling ketara dapat di kesan pada fatwa yang dikeluarkan di negeri Perlis dan negeri Selangor. Begitupun, maksud fatwa tersebut masih tidak lari dari kandungan teks fatwa asal yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Penjelasan lanjut boleh dilihat menerusi perbandingan kandungan teks berbabit.

#### Teks Asal Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

- a) Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan, malahan digalakkan, tetapi hendaklah berdisiplinkan ilmu, iman dan ihsan. Walau bagaimanapun, mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan Islam untuk tujuan mengelirukan masyarakat atau penyelewengan adalah salah dan bercanggah dengan prinsip-prinsip syariat Islam dan boleh diambil tindakan menurut peruntukan undang-undang yang sedia ada;
- b) Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keIslaman seseorang. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun Iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keIslamannya adalah salah di sisi Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara juapun akan fahaman tersebut adalah melakukan perbuatan yang termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng; dan
- c) Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu, dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang orang Islam layak ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu, sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru atau menyebarkan dengan apa-apa cara juapun akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

#### Teks Fatwa dan Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri Perlis

##### Fatwa 1:

“Tiada halangan untuk menggunakan Nama Islam Pada Mana-mana Pertubuhan Malahan Digalakkan”.

##### Fatwa 2:

“Seseorang itu boleh diiktiraf sebagai Muslim dengan hanya mengucap dua kalimah syahadah. Seterusnya menghayati Rukun Islam dan Rukun Iman selama mana ianya tidak menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal. Sebagaimana Hadis Nabi s.a.w: Maksudnya: “Barangsiapa yang mengucapkan Tidak Ada Tuhan Yang Berhak Disembah Melainkan Allah akan masuk Syurga”. Dan sabdanya lagi yang bermaksud: “Orang Islam itu terikat syarat-syarat di sisi mereka kecuali mengharamkan apa yang diharamkan atau menghalalkan apa yang diharamkan”.

### Selangor

'Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa hendaklah dibenarkan perkataan 'Islam' digunapakai oleh mana-mana organisasi atau pertubuhan yang mahu melaksanakan program-program Islam yang selama mana ia tidak bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

### Wilayah Persekutuan

Seorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati rukun iman dan rukun Islam, dan dengan yang demikian, adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat lain bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman bahawa perlu ada tambahan syarat-syarat lain, selain daripada menepati rukun iman dan rukun Islam, seperti pengakuan atau sokongan kepada pihak tertentu sebelum seseorang itu ditentukan keislamannya, adalah salah disisi Islam. Oleh itu umat Islam adalah dilarang daripada mengamal, mengajar, menyeru, atau menyebarkan fahaman tersebut dengan apa-apa cara jua pun.

### Perak

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 34 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 [En. 2/92] dan dibaca bersama subseksyen 34(2), Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan setelah berbincang dengan Jawatankuasa Syariah "Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak Darul Ridzuan" pada 5 Zulkaedah 1421 bersamaan 30 Januari 2001 dan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengisytiharkan fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

(1) Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

(2) Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman sedemikian adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

(3) Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan

tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam dilayakkan ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah dan menyeleweng.

#### Pulau Pinang

1. Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan. Mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

2. Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak lagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat bagi menentukan keislaman seseorang itu. Fahaman sedemikian adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang menganut mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

3. Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seseorang Islam dilayakkan ke syurga atau neraka adalah salah menurut Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah dan menyeleweng.

#### Negeri Sembilan

##### Fatwa 1:

Tiada halangan untuk menggunakan perkataan Islam oleh mana-mana pertubuhan malah digalakkan dengan disiplin ilmu, iman dan ihsan. Mana-mana orang atau pertubuhan yang menggunakan perkataan Islam untuk tujuan mengelirukan dan menyeleweng adalah salah dan boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada.

##### Fatwa 2:

Seseorang itu sudah diiktiraf sebagai orang Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam. Dari itu adalah salah dan tidak berhak bagi mana-mana pihak menambah apa-apa syarat bagi menentukan Keislaman seseorang itu. Fahaman sedemikian adalah salah di sisi Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka

perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

Fatwa 3:

Ketentuan syurga atau neraka adalah hak mutlak Allah S.W.T. Dari itu dakwaan bahawa pengakuan dan sokongan kepada orang atau pertubuhan tertentu diperlukan sebelum seorang Islam dilayakkan ke syurga atau ke neraka adalah salah menurut ajaran Islam. Oleh itu sesiapa yang mengamal, mengajar, menyeru, menyebarkan dan lain-lain cara sebaran akan fahaman tersebut maka perbuatan sedemikian termasuk dalam perbuatan menyebarkan ajaran salah atau menyeleweng.

#### MENGINGKARI FATWA

Suatu fatwa apabila diwartakan, ia akan berkuatkuasa serta mengikat (*binding*) orang yang bermastautin di negeri berkenaan. Semua negeri ada memperuntukkan hukuman kepada orang Islam yang melanggar fatwa. Namun terdapat perbezaan dari segi jumlah hukuman di beberapa negeri. Di Wilayah Persekutuan, sesiapa yang bertindak dengan cara menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di Pertuan Agong sebagai ketua agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa adalah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, ia boleh didenda tidak melebihi RM 3000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya (Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan 1997, seksyen 9).

Selain itu, mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan pendapat tentang ajaran Islam, hukum syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah dianggap telah melakukan suatu kesalahan. Apabila disabitkan, ia boleh didenda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali (seksyen 12). Negeri Selangor turut memperuntukkan kadar hukuman yang serupa. (Enakmen Jenayah Syariah (Selangor), seksyen 12 (c)).

Di Sarawak, seseorang yang memberi fatwa untuk diikuti oleh orang awam mengenai apa-apa soalan ajaran Islam atau Hukum Syarak berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa dan yang telah diwartakan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 1000 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya dan fatwa itu jika bertulis hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah (Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 1991, seksyen 34).

Di Melaka pula, sesiapa dengan secara lisan atau tulisan atau kelakuan yang nyata atau sebarang cara yang membawa kepada mencerca atau disifatkan sebagai menghina atau cuba mencerca atau menghina Agama Islam, perjalanan mana-mana mazhab yang muktabar, pegawai Agama, guru agama dan imam yang dilantik dengan sahnya menurut undang-undang, mana-mana fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis atau mufti di bawah peruntukan enakmen ini, adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 5000 atau penjara tidak lebih 36 bulan atau kedua-duanya (Enakmen Kesalahan Syariah Melaka 1991, seksyen 63).

Berhubung penguatkuasaan undang-undang berhubung pelanggaran fatwa, di negeri Selangor umpamanya, setakat bulan Julai 2000 hanya terdapat 5 kes pendakwaan dibuat ke atas beberapa individu kerana melanggar fatwa. Antaranya ialah kes melibatkan tiga orang gadis Islam yang memasuki pertandingan Ratu Cantik pada tahun 1997. Menurut kertas pendakwaan, ketiga-tiga tertuduh telah memasuki pertandingan Ratu Cantik pada 13 Jun 1997, jam 10 malam di pentas Classic Ballroom Holiday Villa, Petaling Jaya. Perbuatan tertuduh itu telah melanggar fatwa negeri Selangor yang menyatakan bahawa “adalah haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan Ratu Cantik”. (*Pendakwa Syar'ie lwn. Fahyu Hanim Ahmad dll*, ([2000] Jurnal Syariah 8 (1), 137)

Pendakwaan yang dilakukan antaranya dengan menggunakan peruntukan seksyen 12 (c) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang menyebut:

Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina kuasa yang sah, atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan –

- (a) Duli Yang Maha Mulia Sultan atas sifat Baginda sebagai Ketua Agama Islam;
- (b) Majlis;
- (c) Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dalam kes di atas, tertuduh pertama (Fahyu Hanim) dan tertuduh kedua (Noni Mohamad) telah dijatuhi hukuman denda sebanyak RM1400 atau 4 bulan penjara serta berkelakuan baik selama 6 bulan. Kedua-dua tertuduh telah membayar denda. Namun tertuduh ketiga (Sharina Shaari) yang tidak pernah hadir di mahkamah sejak hari awal perbicaraan telah dikenakan waran tangkap.

## KESIMPULAN

Antara dilema institusi fatwa di Malaysia yang masih belum ada penyelesaian ialah tentang penyeragaman dan penguatkuasaannya. Fatwa berbeza antara

negeri pada isu yang sama boleh menimbulkan kecelaruan pemahaman kepada masyarakat awam. Ia juga menyukarkan proses penguatkuasaannya. Berdasarkan contoh-contoh yang telah dipaparkan, jelas menunjukkan bahawa sehingga hari ini belum ada suatu mekanisma penyelarasan yang benar-benar berkesan apa lagi yang boleh mengikat negeri-negeri di sisi undang-undang. Keputusan fatwa Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan umpamanya, tetap perlu diwartakan mengikut negeri masing-masing untuk membolehkan ia berkuatkuasa sebagai fatwa menurut undang-undang. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam dan Majlis Raja-Raja pula hanya berfungsi untuk menyelaraskan dan membuat pengesyoran penyeragaman sedapat mungkin.

Oleh itu, usaha lebih keras perlu dibuat oleh pihak bertanggungjawab untuk mencari serta melaksanakan kaedah terbaik bagi tujuan penyeragaman fatwa di negeri-negeri. Langkah paling baik sekiranya boleh dilakukan ialah dengan memusatkan pentadbiran fatwa di peringkat Kebangsaan dan mewujudkan jawatan Mufti Negara. Untuk menjayakannya, pihak berkuasa agama negeri sendiri mestilah bersikap positif dalam memberi kerjasama penuh. Ertinya tidak perlu lagi ada fatwa yang berbeza dalam satu masalah hukum yang sama di dalam ruang lingkup sebuah negara. Kecelaruan yang berterusan jika dibiarkan, boleh memberi gambaran buruk kepada imej Islam.

Selain itu, penjelasan perlu dibuat kepada masyarakat awam tentang maksud fatwa yang diwartakan dalam konteks undang-undang di Malaysia serta perbezaannya dengan pendapat mufti dan fatwa yang tidak diwartakan, bagi mengelak kekeliruan. Hanya fatwa yang diwartakan sahaja boleh dikuatkuasakan menurut undang-undang. Itupun hanya di dalam kawasan sempadan negeri yang mewartakan itu. Jika kesalahan melanggar fatwa itu dilakukan di luar sempadan negeri tersebut, maka tindakan menurut undang-undang tidak boleh diambil. Dalam pada itu, penguatkuasaan terhadap fatwa yang telah diwartakan perlu dilakukan dengan tegas, berterusan serta berkesan. Mahkamah pula sedapat mungkin hendaklah mengambil pendekatan mengenakan hukuman maksima terhadap tertuduh yang disabitkan bersalah melanggar fatwa. Ia penting supaya boleh menjadi iktibar kepada masyarakat awam lain. Dengan langkah itu juga maka fatwa akan lebih dihormati, dipatuhi seterusnya diletakkan di kedudukan yang sewajarnya.

#### RUJUKAN

1986. Aurad Muhammadiyah as-Suhaimi, Pegangan Ustaz Ashaari Muhammad Pemimpin Darul Arqam. *Jurnal Hukum*, 1.
- Abdul Monir Yaacob. 1998. Perkembangan Institusi Mufti Di Malaysia. Dlm. *Mufti dan Fatwa di Negara-negara Asean*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Hidayat Buang (pyt.). 2004. *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah & Undang-Undang, AIUM.

- Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Putrajaya.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Beirut. Juz. 15.
- Ibrahim Najib Muhammad Iwad. t.th. *al-Qada' fi al-Islam*. Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Jamaluddin al-Qasimi. 1986. *Kitab al-Fatwa fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmi .
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 23 Mac 1995.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 11 Mac 2002.
- Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, 27 Ogos 2003.
- Keputusan Fatwa Negeri Perlis 1995.
- Keputusan Fatwa Negeri Sarawak 1995.
- Kertas Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Rokok Dari Pandangan Islam, Bil. 3/37/95, hlm. 20-23.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah, 16 September 1995.
- Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang, 5 Oktober 1996.
- Muhammad Rawwas Qal'aji. 1985. *Mu'jam Lughat al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Othman Hj Ishak. 1981. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Penyelewengan al-Arqaam Dari Ajaran Islam*, Risalah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri Cawangan Sabah.
- Peraturan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, MRR (s), 284/Jld. 2, 1971.
- Rancangan Pembangunan Pentadbiran Hal Ehwal Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1989, Bil. 1.
- Siti Zalikhah Md.Nor. 2001. Pembuatan Dan Penulisan Fatwa di Malaysia, Kertas kerja Bengkel Latihan Pegawai Pejabat Mufti, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), 22 Mei.
- Johor. 2002. Warta No. 7. Warta Kerajaan Negeri Johor.
- Melaka. 2001. Warta No. 19. Warta Kerajaan Negeri Melaka.
- Warta Kerajaan Negeri Perak- Warta No. 508/ 2001.
- Warta Kerajaan Negeri Selangor, P.U – 51 Selangor, 7 Disember 1995.
- <http://www.e-fatwa.gov.my/mufti/fatwa>

## AKTA &amp; ENAKMEN

- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Kesalahan Syariah Negeri (Melaka) 1991.
- Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan) 1994.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) 1978.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 1992.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang) 1993.
- Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1986.

Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2003.  
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (N.Sembilan) 1992.  
Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka) 1991.  
Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) 1989.  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Perlis) 1964.  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Perlis) Pindaan 1988.  
Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu (Pahang) 1982.  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah) 1962.  
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah) 1965.  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Pahang) 1991.  
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Sabah) 1992.  
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 1991.  
Ordinan Majlis Islam (Incorporation) (Sarawak), Chapter 105.

KES

*Dalip Kaur lwn. Pegawai Polis Bukit Mertajam* ([1992] 1 MLJ 1).  
*Isa Abdul Rahman & Ors lwn. Majlis Agama Islam Pulau Pinang* ([1995] 10 JH 222)  
*Hajah Halimatussaadiah lwn Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia & Seorang  
Lagi* ([1994] 6 KANUN (3) 36).  
*Pendakwa Syar'ie lwn. Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohamad dan Sharina Shaari*  
([2000] 8 (1) JS 137).

Jabatan Syariah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor Darul Ehsan  
zbn@pkrisc.cc.ukm.my